



JURNAL LINGUISTIK Vol. 22 (1) Jun.2018 (032- 048)

Teknik Perundingan dalam Pertandingan Debat Diraja

Norazlina Haji Mohd. Kiram¹
noraz@upm.edu.my

Noor Asliza Abdul Rahim²
asliza@unimap.edu.my

¹Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

²Pusat Bahasa Antarabangsa, Universiti Malaysia Perlis.

Abstrak

Debat merupakan suatu peristiwa bahasa atau tindakan yang berorientasikan matlamat. Keupayaan pendebat menyampaikan hujah dengan baik dan berkesan dapat menentukan kejayaan sesebuah pasukan. Dalam hubungan ini, pendebat perlu menguasai teknik komunikasi atau perundingan yang betul agar maklumat yang disampaikan dapat mempengaruhi khalayak. Penggunaan teknik perundingan akan dapat membantu pendebat merancang strategi yang tepat untuk mematahkan hujah pihak lawan sekali gus mempunyai keyakinan yang tinggi untuk mencapai kemenangan. Oleh itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis teknik perundingan yang digunakan oleh pendebat dalam Pertandingan Akhir Debat Diraja Antara IPT. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data diambil daripada rakaman audio video Pertandingan Akhir Debat Diraja Antara IPT pada tahun 2010, 2011 dan 2012. Data rakaman telah ditranskripsikan dalam bentuk bertulis dan dianalisis dengan menggunakan kerangka konsep Teknik Perundingan Asmah Haji Omar (2000). Terdapat lima teknik perundingan iaitu penggunaan ciri pragmatik, bercerita, bunga bahasa, pemilihan kod dan humor. Hasil kajian menunjukkan pendebat telah menggunakan kelima-lima teknik perundingan tersebut semasa berdebat.

Kata kunci: keterampilan berbahasa, kemahiran bertutur, kecekapan komunikatif, Pendebat, Pertandingan Debat Diraja

Negotiation Techniques in the Royal Debate Competition

Abstract

Debates are a language event or an action of goal oriented. Debater's ability to deliver sound and effective argument could determine the success of the team. Hence, debaters need to master the correct communication or negotiation techniques as information presented could influence the audience. The use of negotiation techniques would help debater to maneuver the right strategy to refute the opponent's arguments and eventually boost confidence and gain an upper hand in the competition. The purpose of this study is to analyze the negotiation techniques used by debaters in the Royal Debate Final Competition Between HEI. While this study approach is qualitative it employs content analysis as method of data collection. Data were taken from video recording of the Royal Debate Final Competition Between HEI in 2010, 2011 and 2012. It was later transcribed into written form

and be analyzed based on the conceptual framework of Negotiation Techniques established by Asmah Haji Omar (2000). There are five negotiation techniques that is, usage of pragmatic features, storytelling, idioms, code selection and humor. The finding shows that debaters have used all five negotiation techniques while debating.

Keywords: language competence, speaking skill, communicative competence, Debater, Royal Debate Competition

Pengenalan

Debat merupakan perbincangan antara kedua-dua belah pihak yang masing-masing mempunyai pendapat yang berbeza tentang sesuatu isu. Asmah Haji Omar (2010:1), mentakrifkan debat sebagai peristiwa bahasa yang mempunyai lebih daripada seorang dan bersifat interaktif. Mengikut Henry Guntur Tarigan (1981:87), debat merupakan suatu argumen untuk menentukan baik tidaknya suatu usul tertentu yang didukung oleh satu pihak yang disebut pendukung atau afirmatif, ditolak, disangkal oleh pihak lain yang disebut penyangkal atau negatif. Dori Wuwur Hendrikus (1991:120-121) menjelaskan bahawa debat sebagai satu aktiviti berhujah atau argumentasi antara peribadi atau antara kelompok manusia dengan tujuan untuk mencapai kemenangan untuk satu pihak. Berdebat memerlukan pendebat menguasai kemahiran berhujah agar dapat meraih sokongan penonton dan juri dengan hujah yang meyakinkan. Penyampaian hujah sangat penting dalam sesebuah aktiviti perdebatan kerana ia merupakan proses pembentukan dan pengeluaran buah fikiran, dan proses ini sebahagian besarnya bergantung pada penguasaan bahasa (Asmah Haji Omar, 2000:6). Dalam hal ini, pendebat perlu mengetahui empat faktor yang menentukan penggunaan bahasa, iaitu siapa yang bertutur kepada siapa, untuk tujuan apa, di mana dan bagaimana hendak mengujarkannya dengan sesuai mengikut konteks tertentu (Saville-Troike 1991).

Hakikatnya, debat merupakan satu bentuk perbahasan atau perbincangan yang penuh dengan konflik. Oleh itu, pendebat perlu berhujah dengan kritis serta tampil dengan pelbagai teknik berdebat yang betul untuk memastikan bahawa hujah yang disampaikan jelas, meyakinkan dan persuasif untuk mengubah persepsi juri. Dalam hubungan ini, Asmah Haji Omar (2000:2) menjelaskan bahawa pendebat perlu menguasai pelbagai teknik perundingan dalam debat, terutamanya yang melibatkan konflik atau pertikaian untuk mencapai kemenangan. Penguasaan teknik berdebat akan membolehkan pendebat berhujah dengan yakin dan kritis. Menjadi pendebat yang hebat memerlukan keyakinan diri yang tinggi kerana dengan keyakinan diri akan menutup kelemahan yang ada seperti kekurangan fakta dan sebagainya (Faizatul Azlinda & Mohd Jamil, 2010:24-25). Keyakinan diri yang tinggi juga dapat menambahkan keyakinan penonton dan juri terhadap keupayaan pendebat seperti yang dinyatakan oleh Ziegelmueller dan Dause (1975:4), "*individuals can be assisted in their efforts to make important decisions and in their efforts to convince others of the wisdom of those decisions*". Tegasnya, penguasaan teknik berdebat yang betul dapat meningkatkan lagi keyakinan diri pendebat untuk berhujah dengan lebih baik. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti penggunaan teknik perundingan dalam pertandingan akhir Debat Diraja Antara IPT tahun 2009, 2010 dan 2011 dengan menggunakan teknik perundingan Asmah (2000).

Aktiviti debat telah disyorkan menjadi sebahagian daripada aktiviti kokurikulum di semua Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dan universiti awam (UA). Menurut Saifudin Abdullah (2009), kemahiran berucap perlu dikuasai oleh semua mahasiswa baik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Beliau menyarankan agar aktiviti debat dijadikan sebagai kegiatan kokurikulum utama dan perlu menjadi satu budaya dalam kehidupan mahasiswa di dalam kampus. Ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai mahasiswa yang berfikir kritis dan mahir dalam komunikasi sekali gus melahirkan generasi yang bijak berhujah pada masa hadapan. Pengaplikasian aktiviti debat dalam aktiviti kokurikulum sesungguhnya dapat meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa. Richard D. Rieke, Malcolm O. Sillars dan Peterson (2013) menegaskan bahawa kepandaian seseorang individu berhujah akan dapat meningkatkan kualiti kemahiran berfikir,

berkomunikasi, dan membuat keputusan. Pendapat yang sama turut disuarakan oleh Dori Wuwur Hendrikus (1991) dan Faizatul Azlinda dan Mohd. Jamil (2010) yang mengatakan bahawa aspek keyakinan diri pendebat diuji melalui penggunaan bahasa yang pelbagai, melatih diri berfikir secara teliti, tepat, kritis, rasional dan pantas ketika membidas isu yang diperdebatkan. Seterusnya, Alex, Nola Kortner (1990) mengatakan bahawa disiplin debat mempunyai tiga matlamat, iaitu:

- i. meningkatkan pemikiran kritikal dan keupayaan menaakul.
- ii. membangunkan pencapaian akademik.
- iii. meningkatkan kemahiran komunikasi.

Dengan adanya tiga disiplin debat ini, tidak mustahil usaha untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan berfikir dalam kalangan pendebat dapat dicapai. Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (MADUM) telah menganjurkan pelbagai pertandingan debat dalam bahasa Melayu yang boleh dijadikan platform bagi mahasiswa berdebat. Antaranya, Pertandingan Debat Piala Diraja, Pertandingan Debat Perdana Integriti, Pertandingan Debat Perpaduan dan Integrasi Nasional, Pertandingan Debat Alam Sekitar, Pertandingan Debat Kepenggunaan (FOMCA) dan Pertandingan Debat Kemerdekaan. Penganjuran pertandingan debat seperti ini dapat menjadi platform kepada mahasiswa untuk membudayakan aktiviti berdebat dalam kehidupan mereka. Dalam makalah ini, perbincangan tertumpu kepada Pertandingan Debat Diraja Antara IPT yang telah diperkenalkan oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) sejak tahun 1995 hingga kini dan berbentuk ala parlimen.

Sorotan Kajian

Asmah Haji Omar (2000) telah mengupas peristiwa bahasa dalam perbahasan di Parlimen Malaysia. Beliau melihat kepada kepelbagaian penggunaan teknik perundingan, strategi komunikasi dan kesopanan serta penggunaan unsur bahasa yang lain. Perbahasan merujuk kepada semua kegiatan interaksi bahasa yang melibatkan adanya perbincangan yang ditimbulkan ekoran wujudnya konflik antara orang yang mengambil bahagian atau peserta. Perbahasan meliputi perbincangan biasa, perdebatan antara pasukan, mesyuarat formal, perundingan, seminar, persidangan, muzakarah, perbahasan Parlimen dan wacana yang dikenali sebagai peristiwa bahasa pertuturan. Perbahasan juga merupakan kegiatan yang menggambarkan adanya konflik, iaitu tidak ada persefahaman berhubung sesuatu isu. Dalam hubungan ini, Asmah Haji Omar mengatakan bahawa dalam sesebuah perbahasan terdapat satu istilah yang perlu difahami oleh semua pendebat untuk memastikan keberkesanan dalam berhujah, iaitu menguasai kecanggihan dalam perbahasan. Kecanggihan dapat dilihat dalam pertuturan, penyampaian hujah dan gerak laku penutur. Kecanggihan inilah yang membezakan perbahasan dengan pertengkaran. Kecanggihan merangkumi penggunaan bahasa semasa berhujah, iaitu melalui penggunaan ayat yang teratur susunannya, pemilihan kata dan ungkapan yang tepat, penyebutan yang standard dan difahami serta kehalusan bahasa.

Jeniri Amir (2008:81-95), telah mengkaji penggunaan strategi retorik oleh pendebat dalam pertandingan debat terbuka antara Datuk Seri Anwar Ibrahim pemimpin *de facto* Pakatan Rakyat dengan Datuk Ahmad Shabery Cheek, Menteri Penerangan Malaysia. Dalam kajiannya, beliau memfokuskan penggunaan dalil dan juga retorik sebagai salah satu strategi untuk menarik perhatian penyokong. Dalam konteks pengucapan awam seperti debat, penggunaan dalil yang sesuai dengan hujah amat penting. Oleh itu, penggunaan dalil dan teknik berdebat yang bersesuaian dan tepat haruslah diaplikasikan oleh setiap pendebat. Data kajian merupakan teks rakaman teks rakaman audio-video debat terbuka Anwar-Shabery yang disiarkan secara langsung di beberapa saluran televisyen seperti TV9, Astro Awani dan Bernama TV pada 15 Julai 2008. Analisis kandungan teks yang ditranskripsikan daripada rakaman debat tersebut dilakukan dengan tujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis teknik retorik yang digunakan oleh kedua-dua pendebat dalam membahaskan usul, "Hari Ini Bentuk kerajaan, Esok Turunkan Harga Minyak".

Berdasarkan hasil tinjauan yang dilakukan oleh *Agenda Daily* selaku penganjur, debat tersebut mendapat liputan meluas daripada pihak media dan juga orang awam. Kajian Jeniri hendak melihat aspek kelebihan dan kelemahan kedua-dua pendebat dalam memastikan sejauh manakah hujah mereka dapat meyakinkan dan mempengaruhi penonton. Kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa sebagai alat komunikasi dapat menegakkan dan menangkis hujah, mempengaruhi, memujuk seterusnya mengubah pendirian dan kepercayaan serta sikap atau perlakuan khalayak, khususnya dalam arena politik. Fungsi bahasa seperti yang disebutkan di atas dapat disampaikan dengan pelbagai cara sama ada secara bertulis melalui akhbar, poster dan sebagainya. Melalui debat juga segala fakta, hujah yang jelas, matang dan relevan perlu dikuasai oleh seseorang pemimpin dalam mempengaruhi pengundi mereka. Seterusnya, Jeniri telah menemui dua alat yang digunakan oleh pendebat dalam menyampaikan hujah iaitu dalil dan strategi retorik. Kajian oleh Mohd Shukri Mohd Ariff (2012:8) pula mendapati masih ada dalam kalangan pendebat universiti yang tidak dapat berhujah atau berdebat dengan baik walaupun mereka petah bercakap. Keadaan ini menunjukkan bahawa pendebat masih lemah dan tidak menguasai teknik penyampaian hujah yang betul. Masalah lemah dalam menyampaikan hujah ini berlaku kerana tahap pembacaan dan pengetahuan umum pendebat yang rendah hingga menyebabkan mereka sering membuat kesalahan seperti memberikan fakta yang salah.

Kajian debat sebagai alat pedagogi dijalankan oleh Chien dan Enniati (2012: 135-143) yang memberikan penekanan kepada keberkesanan pelaksanaan debat sebagai alat pedagogi untuk meningkatkan pembelajaran pelajar bagi kursus perguruan di Institut Pendidikan Nasional Singapura. Terdapat empat persoalan utama yang ditimbulkan dalam kajian ini. Pertama, sejauh manakah debat dapat merangsang pemikiran pelatih perguruan berbanding dengan penggunaan kaedah tradisi yang melibatkan pembacaan buku teks dan syarahan pensyarah semata-mata? Kedua, bagaimanakah debat dapat membantu pelajar memahami isu yang ditimbulkan dalam pembelajaran mereka? Ketiga, sejauh manakah pelajar dapat menghubungkan antara bidang pembelajaran mereka dengan kehidupan sebenar? Keempat, apakah maklum balas secara kualitatif daripada pelajar setelah mereka mengikut aktiviti pembelajaran yang berkonsepkan debat? Pemaparan dapatan dilakukan dengan menggunakan dua pendekatan, iaitu kuantitatif dan kualitatif. Kaedah pemerhatian dan soal selidik juga dibina untuk mendapatkan maklumat tentang keberkesanan penggunaan kaedah debat dalam pengajaran dan pembelajaran pelajar. Kajian melibatkan 56 mahasiswa yang mendaftar dalam kursus pendidikan khas. Hasil kajian mendapati, 83.9% mahasiswa bersetuju bahawa kaedah perbincangan dapat merangsang pemikiran mereka lebih daripada pembacaan buku teks dan kuliah. Manakala, 82% mahasiswa mengatakan bahawa perbincangan sangat membantu dalam proses pembelajaran mereka serta 80.4% mahasiswa bersetuju bahawa perbincangan dapat membantu mereka membuat perhubungan antara subjek dengan pengalaman sebenar. Secara kualitatif, responden juga menyatakan bahawa aktiviti debat dalam pembelajaran dapat memperluaskan pemahaman mereka terhadap subjek dan memahami sesuatu isu dari perspektif yang berbeza. Dengan kata lain, debat dapat mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis berbanding dengan kaedah pembelajaran tradisional yang berpusatkan guru semata-mata.

Peace, A. Graham (2011) dalam kajiannya yang bertajuk, "*Using Debates to Teach Information Ethics*" cuba mengadaptasikan pendekatan debat dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi kursus *Information Ethics* dalam kalangan mahasiswa tahun empat Kolej Perniagaan, di Amerika Syarikat. Aktiviti debat dalam bilik kuliah dapat menarik perhatian mahasiswa untuk berhujah tanpa rasa malu dan ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berkomunikasi di hadapan khalayak. Selain itu, mahasiswa dapat berfikir dengan lebih kritis kerana mereka diberi banyak peluang untuk berinteraksi dan mengadakan persembahan lisan. Dalam hubungan ini, Peace melatih pelajarinya di awal kursus cara dan etika membuat keputusan, proses penganalisisan sesuatu maklumat dan format debat yang akan digunakan sebagai latihan kepada mereka. Selanjutnya, Peace telah mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar untuk mendapatkan pandangan. Hasil analisis menunjukkan bahawa keseluruhan pelajar menerima dengan baik pendekatan debat dalam pdp kerana dapat membantu mereka

meningkatkan kemahiran komunikasi ke aras yang lebih tinggi. Bagi menambah baik aktiviti sedia ada, Peace menyarankan agar mahasiswa menggunakan strategi komunikasi seperti teknik bantahan dan soalan sebagai usaha untuk memerangkap pihak lawan supaya sesi penghujahan menjadi lebih berkesan.

Dawn Hall (2011:1-8) berpendapat bahawa mahasiswa yang terlibat dalam bidang penjagaan kesihatan juga perlu bersiap sedia dengan pelbagai kemahiran generik. Mereka perlu berfikir secara kritikal dan berkeupayaan berkomunikasi dengan baik bukan sahaja kepada pesakit dan penjaga mereka, malah melibatkan pelbagai pihak lain seperti pembuat dasar, orang awam dan pihak lain. Sehubungan itu, Dawn telah memperkenalkan aktiviti perbahasan di dalam kuliahnya sebagai satu strategi pembelajaran yang inovatif. Dalam hal ini, mahasiswa dikehendaki melibatkan diri secara aktif dengan melakukan integrasi bahan pengajaran, membangunkan kemahiran penyelesaian masalah melalui interaksi bersama pesakit dan organisasi serta meningkatkan semangat kerja berpasukan dalam persekitaran kerja mereka. Semasa aktiviti perbahasan diadakan, Dawn membuat penilaian yang merangkumi penyusunan dan kejelasan isi, penyampaian hujah, fakta dan contoh, gaya persembahan, sebutan, ilmu pengetahuan, sikap menghormati dan juga penampilan diri. Penilaian ini bertujuan untuk membimbing mereka agar dapat menyampaikan hujah dengan baik dan berkesan pada masa akan datang.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah analisis kandungan. Data diambil daripada rakaman Pertandingan Akhir Debat Diraja Antara IPT yang diadakan pada tahun 2009, 2010 dan 2011. Hujah yang diteliti melibatkan dua pihak, iaitu pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Pihak kerajaan terdiri daripada 3 orang wakil dan dalam kajian ini dikodkan sebagai Kerajaan 1 (K1), Kerajaan 2 (K2) dan Kerajaan 3 (K3). Manakala, pihak pembangkang dikodkan sebagai Pembangkang 1 (P1), Pembangkang 2 (P2) dan Pembangkang 3 (P3). Seterusnya, data dianalisis menggunakan teknik perundingan Asmah Haji Omar (2000). Lima teknik tersebut ialah penggunaan ciri pragmatik, bercerita, bunga bahasa, pemilihan kod dan humor. Butiran lanjut adalah seperti yang berikut:

1. Ciri Pragmatik

Ciri pragmatik merupakan ciri pertuturan yang di luar kandungan baik asas kandungan atau hujah yang digunakan oleh penutur untuk menyampaikan kesan tertentu dalam usaha mencapai matlamatnya. Ciri pragmatik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, penyisian, pengulangan dan seruan seperti mana yang diuraikan di bawah:

- i. Penyisian adalah tindakan yang dilakukan oleh penutur yang membawa jalan fikiran ke arah pokok perbincangan dengan tujuan untuk mencapai matlamat penutur. Teknik penyisian berperanan untuk meyakinkan penonton, menegaskan hujah, melembutkan suasana, menimbulkan harapan, memujuk, menyatakan perasaan, dan sebagainya. Terdapat 15 jenis penyisian iaitu pernyataan hipotesis, pernyataan maklumat, peringatan pada maklumat lama, pemberian maklumat tambahan, pemberian tafsiran atau parafrasa, patah balik, penjituan, permintaan izin, pernyataan kekecewaan, pernyataan kesimpulan, pernyataan harapan, pernyataan keraguan, pembatasan maklumat, pernyataan kegembiraan dan pernyataan tolak ansur.
- ii. Pengulangan merupakan proses mengulang-ulang sesuatu perkataan atau frasa. Terdapat tiga sebab berlakunya pengulangan semasa berhujah. Pertama, pengulangan untuk penegasan. Kedua, pengulangan kerana penutur berada dalam keadaan teragak-agak atau ragu-ragu. Ketiga, pengulangan disebabkan penuturnya gagap kerana ketakutan atau gugup.

iii. Seruan merupakan ciri gerak balas yang menggambarkan bagaimana seseorang pendebat menyambut apa-apa yang dihujahkan oleh pendebat lawan, sama ada setuju, kagum atau sebaliknya. Ini termasuklah seruan seperti *hei, hai, wau, ya* dan lain-lain lagi.

2. Bercerita

Penceritaan merupakan ulangan cerita orang atau cerita yang dibaca bergantung kepada konteksnya. Ia memberikan kesan kepada sesuatu hujah yang dibawa dalam perundingan dengan memberikan contoh sesuatu peristiwa atau kejadian yang berlaku. Dalam perbahasan, peserta membawa perkara yang berhubung dengan kehidupan di kawasannya. Penceritaan sering kali dikaitkan dengan komen yang dituju kepada pihak lawan berhujah atau juga ditujukan kepada benda atau orang yang menjadi tajuk penceritaan. Komen dalam sesuatu penceritaan bertujuan untuk memperkuat hujah, menunjukkan keadaan berlawanan daripada perkara yang diharapkan, menimbulkan bukti dan memberikan persepsi terhadap watak.

3. Bunga Bahasa

Bunga bahasa merujuk kepada penggunaan kata, ungkapan atau tutur yang memberikan keindahan kepada proses penggunaan bahasa sama ada dalam bentuk kiasan, metafora, pepatah, peribahasa, permainan kata, sinonim atau antonim (Asmah Haji Omar, 2000:70-77).

4. Pemilihan Kod

Kod membawa pengertian sesuatu bahasa atau kelainan bahasa tertentu, iaitu kelainan kawasan atau kelainan sosial. Kelainan kawasan lazimnya merujuk kepada dialek geografi atau dialek kawasan. Manakala, kelainan sosial mencirikan golongan sosial tertentu seperti bahasa istana, bahasa halus dan bahasa kasar. Terdapat tiga aspek yang menjadi penentu kepada pemilihan kod, iaitu pemilihan bahasa, pemilihan kelainan bahasa dan campur kod dan alih kod (Asmah Haji Omar, 2000: 78-84).

5. Humor

Tutur kata yang mencuit hati orang yang mendengar dan boleh membuatkan seseorang itu ketawa atau ingin ketawa, walaupun dalam keadaan marah. Humor terdiri daripada pelbagai jenis misalnya seloroh, jenaka, sindiran, perli, tempelak dan sebagainya. Dalam suasana yang ditandai dengan konflik, humor digunakan sebagai alat untuk menajamkan hujah, melembutkan suasana dan menimbulkan minat pendengar. Penggunaan humor boleh diwujudkan dengan bahasa am seperti dialek kawasan, campur kod, alih kod, metafora dan peribahasa (Asmah Haji Omar, 2000:84-85).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Analisis dan perbincangan data dilakukan menggunakan kerangka konsep Teknik Perundingan Asmah Haji Omar (2000). Data diambil daripada hujah yang disampaikan oleh pendebat yang terdiri daripada pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Hasil analisis mendapati bahawa pendebat telah menggunakan teknik perundingan semasa berhujah dengan pihak lawan. Dalam bahagian ini, pengkaji mengambil contoh berdasarkan lima teknik yang dikemukakan, iaitu penggunaan ciri pragmatik, bercerita, bunga bahasa, pemilihan kod dan humor. Perbincangan adalah seperti yang berikut:

1. Penggunaan Ciri Pragmatik

Ciri pragmatik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu, penyisian, pengulangan dan seruan. Perbincangan adalah berdasarkan contoh di bawah:

Teknik Penyisian

Penjitian bermaksud menunjukkan kesesuaian dan kekukuhan sesuatu ungkapan yang disampaikan untuk meyakinkan pendengar. Dengan kata lain, ayat yang dituturkan itu tepat dan benar dalam konteks yang dibincangkan. Dalam perdebatan, teknik penjitian penting bagi tujuan meyakinkan pendengar, mematikan hujah pihak lawan dan mengukuhkan hujah sendiri. Ini kerana, hujah yang mantap, jelas dan tepat dapat mempengaruhi pemikiran pendengar dan juri dalam membuat keputusan. Hasil analisis menunjukkan bahawa teknik penjitian kerap digunakan oleh pendebat sebagai satu strategi untuk memantapkan hujah supaya pendengar lebih peka dan memahami pendirian usul mereka. Penjitian terbahagi kepada empat jenis, iaitu:

- a. penjitian maklumat
- b. penjitian tindakan
- c. penjitian konteks
- d. penjitian sumber

a. Penjitian Maklumat

Penjitian maklumat bertujuan untuk menegaskan sesuatu maklumat yang dipercayai dapat memperkukuhkan fakta yang disampaikan. Maklumat yang disampaikan itu hendaklah tepat dan jelas supaya tidak menjadi pertikaian kepada pihak lawan. Contoh penggunaan penjitian maklumat yang telah dikenal pasti adalah seperti yang berikut:

Data 1

Tuan Yang Dipertua, antara masalah terbesar dalam negara kita, adalah masalah jurang ekonomi yang sangat ketara antara kaum. Bagi mengatasi masalah ini Tuan Yang Dipertua, kerajaan telah pun memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru untuk memperbaiki jurang antara kaum. Namun apa yang berlaku, tindakan murni ini telah pun ditentang oleh masyarakat terutamanya kaum Cina yang mengatakan hak mereka telah dipinggirkan. Kemudian Tuan Yang Dipertua, DEB ini telah pun dibatalkan dan diganti dengan Dasar Pembangunan Nasional. Namun hakikatnya ia masih lagi ditentang oleh kaum Cina Tuan Yang Dipertua. Kita lihat bagaimana ia mencetus masalah ini berlakunya penentangan, kita perlu menfokus untuk kita pupuk pemahaman negara bangsa. Tidak cukup dengan itu Tuan Yang Dipertua, kerajaan telah pun bersetuju untuk melabur 20 billion ringgit sebagai subsidi kepada nelayan dan juga petani Tuan Yang Dipertua. Namun apa yang berlaku, bantuan ini juga diselar oleh masyarakat daripada kaum lain...

(Data 2009, K2: Baris 65-69)

Dalam data 1, pihak kerajaan telah mengemukakan hujah kepada pihak lawan tentang isu jurang ekonomi negara yang melibatkan kaum. Isu ini termasuklah menyelar sikap sesetengah masyarakat yang beranggapan bahawa pihak kerajaan tidak berusaha untuk menangani isu tersebut sedangkan kerajaan telah mengambil pelbagai langkah. Untuk memperkukuhkan hujah tersebut, pihak kerajaan telah mengaitkannya dengan kewujudan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan yang

telah diperkenalkan oleh kerajaan. Kedua-dua dasar tersebut bertujuan untuk memperbaiki jurang ekonomi antara kaum, namun telah ditentang oleh pihak yang sentiasa tidak berpuas hati dengan kerajaan. Selain itu, pihak kerajaan juga telah melabur sebanyak 20 bilion ringgit sebagai subsidi kepada nelayan dan juga petani tetapi turut dijadikan isu kononnya ada dakwaan yang mengatakan bahawa subsidi tersebut hanya diberikan kepada golongan Melayu.

Tindakan pihak kerajaan merujuk kepada DEB, Dasar Pembangunan Nasional dan 20 bilion ringgit merupakan satu maklumat yang jitu dan bukan rekaan cerita semata-mata. Melalui maklumat yang tepat, kerajaan dapat membuktikan bahawa mereka telah merancang pembangunan ekonomi yang terbaik bagi semua kaum. Walau bagaimanapun, masyarakat tidak dapat menghayati aspirasi kerajaan ini. Oleh yang demikian, kerajaan tidak sepatutnya dipersalahkan jika masih wujud jurang ekonomi. Sebaliknya, masyarakatlah yang harus dipersalahkan kerana tidak bersikap terbuka dan positif menerima dasar yang telah diperkenalkan oleh kerajaan. Tegasnya, teknik penjituan maklumat digunakan oleh pihak kerajaan dengan tujuan untuk menyampaikan maklumat secara jelas, terperinci dan tepat dan ini secara tidak langsung dapat mempertingkatkan kredibiliti mereka sebagai badan pemerintah. Hal

b. Penjituan Tindakan

Jenis penjituan ini merujuk kepada pernyataan yang dibuat untuk menunjukkan kejituan dalam tindakan yang diambil atau akan diambil oleh penutur seperti mana yang dibincangkan di bawah:

Data 2

Seandainya ada masalah dalam pembinaan negara bangsa tersebut, terus kita sandarkan negara bangsa lebih pembinaan negara bangsa ini lebih penting. Namun Yang Dipertua Dewan, bukan pembinaan lebih penting jika masalah itu berlaku. Yang perlu diselesaikan ialah cabaran dan kekangan itu diatasi yang lebih penting. Pada hari ini mereka tidak bercerita keadaan lebih penting. Saya kira masalah mereka cuai dalam perdebatan. Saya berbicara di perwakilan pihak pembangkang pada hari ini dengan berhujah pada anda semua untuk membentangkan hujah yang sama iaitu berdepan dengan masalah ekonomi dan juga sosial.

(Data 2009, P2: Baris 105-106)

Dalam data 2, fokus perbincangan tertumpu kepada hasrat kerajaan untuk membina negara bangsa Malaysia. Hakikatnya, terdapat banyak masalah yang perlu diatasi jika kerajaan mahu merealisasikan hasrat tersebut. Dalam hubungan ini, pihak pembangkang mempersoalkan kewibawaan pihak kerajaan yang masih gagal menyelesaikan masalah yang menghalang pembinaan negara bangsa. Pada pandangan pembangkang, kerajaan sepatutnya mengambil tindakan segera, iaitu menangani masalah ekonomi dan sosial negara terlebih dahulu jika mahu mewujudkan negara bangsa. Cadangan tindakan yang disarankan oleh pihak pembangkang ini menunjukkan bahawa mereka serius dan kritis dalam menangani masalah tersebut berbanding dengan pihak kerajaan yang gagal melihat masalah ini sebagai penghalang utama dalam membina negara bangsa.

c. Penjituan Konteks

Penjituan konteks merupakan penegasan konteks masa atau tempat terhadap sesuatu maklumat atau tindakan yang berlaku seperti mana yang dibincangkan di bawah:

Data 3

...beliau bercerita kepada kita tentang masalah ekonomi, maka kita gunalah DEB. Kita selesaikan perkara ini terlebih dahulu Tuan Yang Dipertua Dewan. Masalahnya, Dasar Ekonomi Baru pada tatkala ini kita dah tak guna dan Tuan Yang Dipertua Dewan masalah ekonomi yang berlaku ini adalah akibat kerana kita tidak faham tentang konsep negara bangsa Tuan Yang Dipertua Dewan. Pertikaian demi pertikaian kerana tidak menerima hak keistimewaan orang Melayu dan sebagainya. Ini adalah perkara dan fokus yang perlu untuk kita berikan terhadap pembinaan negara bangsa itu sendiri Tuan Yang Dipertua Dewan.

(Data 2009, K3: Baris 161-162)

Dalam data 3, pihak kerajaan menegaskan bahawa pada masa kini penggunaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sudah dimansuhkan kerana tidak relevan dengan keadaan pasaran ekonomi semasa. Sebaliknya, tumpuan hendaklah diberikan kepada isu pembinaan negara bangsa kerana masalah ekonomi yang timbul adalah disebabkan ketidakfahaman rakyat Malaysia terhadap konsep negara bangsa. Hujah pihak kerajaan tentang pemansuhan DEB dan pembinaan negara bangsa merupakan hujah yang jitu dan berpijak di bumi nyata kerana merujuk kepada senario atau konteks ekonomi semasa. Justeru, kerajaan perlu mengambil pelbagai langkah dan melakukan perubahan dari semasa ke semasa demi meningkatkan pembangunan negara. Dalam hubungan ini, salah satu langkah tersebut ialah memperkenalkan konsep negara bangsa yang dipercayai dapat menyatukan rakyat dan melonjakkan nama Malaysia di arena antarabangsa. Idea yang diketengahkan oleh kerajaan ini juga memperlihatkan pemikiran pihak kerajaan yang segar dan sentiasa bersedia menangani arus perubahan.

d. Penjituan Sumber

Jenis penjituan sumber merupakan usaha untuk mensahihkan sumber maklumat yang diberikan agar pendengar mempercayai sumber maklumat yang dikemukakan seperti mana yang dibincangkan di bawah:

Data 4

Pasaran yang tidak menentu pada hari ini menunjukkan kebarangkalian ada kalanya kita akan dilanda musibah di mana pada hari ini telah berlaku pada kesatuan Eropah untuk pengetahuan anda ekonomi berpendapatan tinggi itu merundum kerana kebergantungan kepada pasaran luar yang tidak menentu. Maka akan dicapai dalam masa 10 tahun yang akan datang, untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi, andai kata kita bergadai dengan risiko yang ada. Seperti untuk pengetahuan anda apa yang dilaporkan oleh Reuter... dilaporkan oleh Reuter pada hari ini (loceng 2x) krisis ekonomi gelombang kedua akan berlaku dan hal ini bertambah buruk apabila Datuk Sri Idris Jala pakar ekonomi Malaysia dan Ketua Audit Negara mengatakan hutang negara pada ketika ini mencecah 100% dan ia akan mencapai 1 trilion dalam tempoh 9 tahun akan datang(loceng 2x). Saya tunjukkan kepada anda, betapa sebenarnya apabila kita bergantung pada pasaran luar, kita membuka dada untuk berdepan dengan berisiko dengan jumlah tanggungan negara yang berat...

(Data 2010, P2: Baris 75)

Dalam data 4, pihak pembangkang telah membincangkan krisis ekonomi dunia dengan merujuk kepada ekonomi negara Eropah yang sedang merudum akibat daripada kebergantungan kepada pasaran luar. Hal ini disokong dengan laporan yang dikeluarkan oleh Reuter yang menyatakan bahawa dunia akan mengalami krisis ekonomi gelombang kedua yang lebih meruncing lagi pada masa hadapan. Seterusnya, pembangkang mengaitkannya dengan kedudukan ekonomi Malaysia bagi tempoh 10 tahun akan datang yang berkemungkinan mengalami krisis ekonomi yang sama jika terlalu bergantung pada pasaran luar. Hujah pembangkang ini disokong dengan kenyataan Datuk Sri Idris Jala, iaitu pakar ekonomi Malaysia dan Ketua Audit Negara yang menyatakan bahawa, "...hutang negara pada ketika ini mencecah 100% dan ia akan mencapai 1 trilion dalam tempoh 9 tahun akan datang." Hujah yang disampaikan oleh pihak pembangkang tersebut adalah konkrit dan mempunyai kesahan yang tinggi kerana merujuk kepada sumber yang tepat dan jitu.

Pengulangan

Dalam konteks perdebatan, pengulangan merupakan proses mengulang-ulang sesuatu perkataan atau frasa. Terdapat tiga sebab berlakunya pengulangan semasa berhujah. Pertama, pengulangan untuk penegasan. Kedua, pengulangan kerana penutur berada dalam keadaan teragak-agak atau ragu-ragu. Ketiga, pengulangan disebabkan penuturnya gagap kerana ketakutan atau gugup.

a. Pengulangan Penegasan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk pengulangan ini digunakan oleh pendebat untuk memberikan penegasan terhadap pendapat yang dihujahkan agar dapat meyakinkan khalayak. Analisis bentuk pengulangan ini dibincangkan seperti dalam data 5.

Data 5

Tuan Yang Dipertua apabila mereka diberi hak untuk memilih ahli kerajaan tempatan ini Tuan Yang Dipertua dan kita melihat apakah kesannya apabila undian yang telah dimiliki untuk pemilihan Datuk Bandar sehinggalah ke Canselor telah mencapai te / pada tahap 84.9%. Tidak cukup dengan itu saya tunjukkan kepada anda bagaimanakah peratusan masyarakat di Australia ini Tuan Yang Dipertua telah menyambut baik telah turun mengundi telah mengangkat hak demokrasi Tuan Yang Dipertua apabila tahun 2000, sebanyak tiga ratus dua (302)/ tiga ratus dua ribu (302) Tuan Yang Dipertua orang telah turun untuk pergi mengundi ahli majlis kerajaan tempatan ini Tuan Yang Dipertua telah meningkat pada tahun 2003 iaitu sebanyak tiga ratus tiga puluh dua ribu orang empat ratus sembilan puluh dua(332,492). Pada tahun 2006 meningkat lagi kepada tiga ratus lima puluh sembilan ribu orang empat ratus tiga puluh dua (359,432) (loceng) dan pergi / dan terus meningkat pada tahun 2010 pada tiga ratus lapan puluh sembilan ribu orang lima ratus dua puluh dua orang (389,522). Itu menunjukkan apa Tuan Yang Dipertua, hak demokrasi rakyat ini telah diangkat. Rakyat telah menerima bahawa melalui pilihan raya ini ahli majlis / ter kerajaan tempatan Tuan Yang Dipertua adalah cara yang terbaik untuk mereka menjunjung hak demokrasi.

(Data 2010, K2: Baris 84-87)

Dalam data 5, kerajaan berhujah tentang penerimaan rakyat terhadap sistem pilihan raya dengan merujuk kepada negara Australia. Berdasarkan statistik, kerajaan telah berhujah bahawa jumlah

rakyat Australia yang keluar mengundi pada tahun 2000, 2006 dan 2010 semakin meningkat setiap kali pilihan raya diadakan. Seterusnya, kajian mendapati bahawa kerajaan telah mengungkapkan perkataan "meningkat" dan diulang sebanyak tiga kali dengan tujuan untuk menarik perhatian khalayak terhadap hujah yang disampaikan. Pengulangan perkataan "meningkat" dilihat dapat memberikan gambaran positif terhadap pelaksanaan sistem pilihan raya. Secara tersuratnya, kerajaan telah membuktikan bahawa sistem pilihan raya telah diterima baik oleh rakyat negara tersebut apabila berlaku peningkatan jumlah rakyat yang keluar mengundi. Tersiratnya pula, kerajaan yakin rakyat akan memberikan sokongan padu jika sistem pilihan raya ini dipraktikkan di negara sendiri. Penggunaan teknik pengulangan oleh para pendebat secara tidak langsung dapat membantu mereka membina keyakinan khalayak terhadap hujah yang disampaikan. Hal ini bersesuaian dengan pendapat Zaitul Azma (2002), yang mengatakan bahawa penggunaan pengulangan dapat mewujudkan komunikasi berkesan dan pada aras interaksi pula, pengulangan bertindak sebagai pencapaian matlamat sosial dan seterusnya melengkapkan pertuturan seseorang. Malah, penggunaan pengulangan dalam komunikasi juga akan dapat meningkatkan keberkesanan komunikasi seseorang penutur (Canale, 1983:11).

b. Pengulangan Teragak-Agak atau Ragu-Ragu

Pengulangan juga terjadi disebabkan oleh perasaan ragu-ragu atau teragak-agak dalam kalangan pendebat. Pengulangan yang sebegini dilakukan kerana penutur berada dalam keadaan teragak-agak atau ragu-ragu, dan aspek pengulangan ini merupakan salah satu strategi bagi pendebat mendapat masa yang lebih untuk memikirkan fakta yang ingin disampaikan (Asmah Haji Omar, 2000). Pengulangan jenis ini akan disertai dengan bunyi yang tidak mempunyai makna yang khusus seperti 'aaa', 'mmm', dan sebagainya. Pendebat mengeluarkan bunyi tertentu untuk memastikan bahawa mereka dapat memikirkan kata dan frasa terbaik yang dapat digunakan untuk meneruskan hujahan. Penggunaan bentuk pengulangan seperti ini ditunjukkan dalam data di bawah:

Data 6

*Persoalannya, adakah acuan di Yugoslavia dan Bosnia ini sama dengan acuan di negara kita Adakah yang rakyatnya berbilang kaum seperti mana Malaysia, tidak pernah mereka ceritakan. Silakan.
(Celahan) Apabila hari ini membincangkan berkenaan dengan Yugoslavia bila mereka mengetepikan masalah kaum-kaum aaa... dan ras... aa terhadap Yugoslavia tu, hasilnya Yugoslavia berpecah kerana mereka tidak menyelesaikan masalah. Mereka mementingkan pembinaan negara bangsa terlebih dahulu daripada menyelesaikan masalah (loceng). Itulah masalahnya.*

(Data 2009, P2: Baris 87-88)

Dalam data 6, pembangkang cuba memberikan penjelasan tentang permasalahan yang wujud dalam pembinaan negara bangsa di Yugoslavia dan cuba mengaitkannya dengan kaum dan ras yang terdapat di negara tersebut. Namun, dalam konteks ini pembangkang kelihatan teragak-agak dan ragu-ragu untuk menjelaskannya sehingga berlaku bentuk pengulangan pada ungkapan...*kaum-kaum aaa... dan ras... aa...* Hal ini kerana, pembangkang tidak mengetahui dengan jelas apakah kaum atau ras yang terdapat di negara Yugoslavia. Sifat teragak-agak tersebut secara tidak langsung mempengaruhi imej pembangkang dan secara tidak langsung mempengaruhi keyakinan khalayak.

c. Pengulangan Ketakutan / Gugup

Hasil analisis juga mendapati bahawa pendebat melakukan pengulangan apabila berhadapan dengan masalah gugup atau gagap yang berlaku kerana ketakutan atau gugup. Dalam pengucapan awam, berucap di hadapan khalayak bukanlah perkara yang mudah dan sesiapa pun akan mengalami masalah kegugupan. Masalah kegugupan ini boleh disebabkan oleh masalah emosi untuk berhadapan dengan khalayak. Tambahan pula dalam konteks kajian, pendebat perlu memberikan ucapan secara spontan di hadapan khalayak. Penggunaan pengulangan jenis ini dapat diteliti dalam data di bawah:

Data 7

Pada hari ini kita ada pe... mekanisme ataupun monumen yang boleh kita gunakan untuk diperdebatkan ataupun aa..apa yang dihujahkan oleh beliau pelan...pelan induk perindustrian berat mahupun beliau ceritakan kerjasama sektor swasta. Tuan Yang Dipertua Dewan, untuk tindakan anda bercerita dengan perkara tersebut, kita memang hari ini mempunyai kerjasama dalam syarikat swasta. Namun persoalan yang beliau janjikan, bagaimanakah kerjasama dalam komponen masyarakat untuk menyokong swasta ke arah negara pendapatan tinggi yang diletakkan beliau sebagai matlamat ataupun asas penanda aras yang perlu beliau penuhi.

(Data 2010, P2: Baris 49-51)

Dalam data 7, pembangkang menyampaikan hujah tentang mekanisme yang ada dan perlu dilaksanakan dalam usaha menjadi negara berpendapatan tinggi. Pada awal penghujahannya pembangkang dilihat mengalami kegugupan dalam meneruskan hujah. Kegugupan tersebut dapat dilihat pada ungkapan seperti, "...ada pe.. mekanisme..., ...aa..apa dan ...pelan...pelan induk perindustrian..." Namun, tahap kegugupan itu dilihat semakin berkurangan apabila pada ucapan akhir pembangkang dapat menyampaikan hujah dengan baik dan lancar. Dalam hal ini, faktor kegugupan bukanlah halangan yang besar kerana masalah kegugupan berucap di hadapan khalayak adalah perkara normal kepada semua orang. Namun, jika ia dilakukan secara kerap akan menjejaskan kredibiliti pembangkang dan menjejaskan keyakinan khalayak pada pendebat.

Seruan

Dalam konteks perdebatan, penggunaan seruan merupakan ciri gerak balas yang menggambarkan bagaimana seseorang pendebat menyambut apa yang dihujahkan oleh pendebat lawan, sama ada setuju, kagum atau sebaliknya. Bentuk penggunaan teknik seruan yang dikesan dalam kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam ujaran berikut:

Data 8

Apabila kita mendengar hujahan seorang ketua pembangkang, barulah kita tahu bahawa kekangan itu bukanlah mengenai kelemahan dasar, bukan mengenai kelemahan kerjasama masyarakat tetapi kerana pasaran global yang tidak menentu Tuan Yang Dipertua. Wah! Ini suatu hujah yang sungguh luar biasa Tuan Yang Dipertua Dewan, sebab kalau anda ingin melihat pasaran global yang tidak menentu, ekonomi pasaran bebas ini memang tidak pernah menentu Tuan Yang Dipertua Dewan.

(Data 2010, K3: Baris 82-83)

Dalam data 8, kerajaan menyambut hujah yang disampaikan oleh pembangkang secara sinis berkenaan masalah utama negara dalam membangunkan ekonomi yang disebabkan oleh pasaran ekonomi global yang tidak tetap. Hujah tersebut disampaikan secara halus dan tersirat menerusi ungkapan, "... *Wah! Ini suatu hujah yang sungguh luar biasa...*" Dalam konteks kajian, secara sinis kerajaan berhujah tentang kelemahan pembangkang yang meletakkan pasaran ekonomi global sebagai masalah utama dalam meningkatkan ekonomi negara kerana sememangnya pasaran ekonomi global tidak pernah menentu sifatnya.

2. Penggunaan Bercerita

Teknik ini memberikan kesan kepada hujah yang dibawa dengan cara memberikan contoh sesuatu peristiwa atau kejadian yang berlaku. Cerita yang dibawa itu boleh merupakan pengalaman peribadi atau cerita yang didapati daripada orang lain secara pendengaran atau pembacaan. Hujah berbentuk cerita dapat dilihat seperti dalam petikan berikut:

Data 9

Untuk mendapat jawatan YDP Majlis Perbandaran Kedua Pulau Pinang antara Datuk Ahmadi dan Salihin Mustakim, menyatakan apabila proses kiraan undi selesai tiba-tiba ada tiga peti pos undi untuk baru dikira yang akhirnya memenangkan Datuk Ahmadi ketika itu Tuan Yang Dipertua, dan hasil laporan suruhanjaya mengkaji pilihan raya kerajaan tempatan yang dilantik pada tahun 1965 peng ... yang dipengerusikan oleh Senator Antinahaban menyatakan wujud salah guna kuasa apabila calon yang bertanding menguruskan pilihan raya itu sendiri.

(Data 2012, P1: Baris 56-57)

Dalam data 9, pembangkang menggunakan teknik penceritaan untuk merungkai isu penyalahgunaan kuasa calon yang bertanding dalam pilihan raya untuk merebut jawatan YDP Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Dalam hubungan ini, pembangkang berkongsi cerita sebenar yang berlaku di sebalik kemenangan calon. Ini termasuklah isu kemunculan tiga peti pos undi yang baharu walaupun proses kiraan undi telah selesai. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan keraguan kepada banyak pihak dan akhirnya terjawab apabila laporan suruhanjaya pilihan raya kerajaan tempatan telah mengesahkan bahawa berlakunya penyalahgunaan kuasa dalam pilihan raya yang telah dijalankan. Tindakan pembangkang berkongsi cerita dengan khalayak secara tidak langsung memberikan gambaran bahawa pembangkang mengamalkan sikap bersih, cekap dan amanah dalam menguruskan pentadbiran negara. Manakala, beban pihak kerajaan pula semakin sukar kerana perlu membuktikan kepada khalayak bahawa perkara yang diperkatakan itu palsu semata-mata atau menjelaskan kepada pihak lawan bentuk tindakan yang telah diambil bagi menangani peristiwa yang berlaku.

3. Penggunaan Bunga Bahasa

Teknik bunga bahasa merupakan kata atau ungkapan yang memberi keindahan kepada proses penggunaan bahasa. Dalam konteks kajian, bunga bahasa yang digunakan terdiri daripada bentuk kiasan, metafora, peribahasa dan pantun. Penggunaannya bunga bahasa bukan dilakukan secara sewenang-wennagnya sebaliknya merupakan teknik dan strategi untuk mencapai matlamat perdebatan di samping bertujuan untuk menarik perhatian khalayak terhadap hujah dan sekali gus mempengaruhi fikiran khalayak terhadap hujah yang disampaikan oleh pendebat. Berikut merupakan contoh bunga bahasa yang digunakan oleh pendebat semasa berhujah.

Data 10

Akhir sekali, setelah mereka terperangkap dalam penjuruan kes mereka sendiri (loceng), mereka memilih untuk bertanya soal jaminan, soal realistik, tepat dan kontemporari Tuan Yang Dipertua Dewan. Empat perkataan terakhir yang dihulurkan dalam sesi penggulungan untuk menyelamatkan kapal yang semakin karam Tuan Yang Dipertua Dewan.

(Data 2010, K2: Baris 207-208)

Dalam data 10, pihak kerajaan berpandangan bahawa hujah yang disampaikan oleh pihak pembangkang tidak dapat menyokong hujah mereka. Dalam konteks kajian, kerajaan menggunakan ungkapan "...menyelamatkan kapal yang semakin karam..." dengan tujuan untuk memberikan gambaran kedudukan hujah pihak lawan yang lemah, goyah dan semakin tertekan kerana tidak dapat menyokong usul. Dengan kata lain, pembangkang sedang menuju kekalahan. Pujian harus diberikan kepada pihak kerajaan kerana masih mengamalkan aspek kesantunan berbahasa semasa berhujah walau pun berusaha menjatuhkan pihak lawan sekali gus memenangi pertandingan. Selain itu, penggunaan bunga bahasa juga dapat mengelak pendengar daripada merasa bosan semasa mengikuti sesi perdebatan yang selalunya bersifat serius.

4. Penggunaan Pemilihan Kod

Dalam aktiviti perdebatan, teknik campur kod hanya melibatkan aspek penggunaan kata dan frasa tertentu atau pun istilah tertentu dalam hujah yang disampaikan. Contoh penggunaan teknik campur kod dapat dilihat seperti dalam data berikut:

Data 11

*Kelima Tuan Yang Dipertua ini soalan **simple-simple** sahaja kalau pilihan raya umum bagi calon yang telah memenangi kemudian meninggalkan dunia kita akan mengadakan pilihan raya semula...*

(Data 2012, P2: Baris 40)

Dalam data 11, terdapat percampuran kod dalam ucapan pendebat, iaitu antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris. Penggunaan kata *simple-simple* dalam bahasa Melayu bermaksud 'ringkas'. Dalam perdebatan berbentuk ala parlimen ini, pihak yang berhujah seharusnya menggunakan bahasa Melayu semasa berhujah. Memang tidak dapat dinafikan bahawa percampuran kod merupakan senario yang biasa berlaku dalam masyarakat kita kerana budaya masyarakat kini yang gemar mengamalkan penggunaan bahasa rojak. Walau bagaimanapun, kedua-dua pihak yang berhujah seharusnya menggunakan bahasa Melayu standard sesuai dengan format perdebatan yang berbentuk ala Parlimen. Penggunaan bahasa Melayu yang betul dapat meningkatkan imej pendebat.

5. Penggunaan Humor

Dalam perbahasan, kedua-dua pihak akan berusaha mempertahankan pendirian masing-masing sebagai hujah yang terbaik sekali gus mempengaruhi pihak lawan. Dalam suasana yang ditandai dengan konflik ini, humor digunakan untuk menajamkan hujah, mengurangkan ketegangan dan menarik perhatian khalayak. Humor atau lawak jenaka ini juga merupakan salah satu elemen dalam

seni berbahasa atau retorik. Menurut Norida Berhan dan Zulkefly Hamid (2012:1-6), seni berbahasa atau retorik ini merupakan alat yang dapat dimanfaatkan untuk mempengaruhi khalayak, yaitu mengubah pendirian dan kepercayaan, sikap atau perlakuan mereka. Malah, kejayaan seseorang penceramah untuk mempengaruhi pendengar atau menggerakkan hati pendengarnya supaya bertindak mengikut arahnya bergantung pada retorik gayanya. P. Hobbs (2007:123-156) turut memetik pernyataan Konrad Lorenz yang menjelaskan humor sebagai kemampuan berucap seseorang atau tanggungjawab moral yang wujud dan berkembang dalam bentuk tertinggi secara khusus untuk memberi kuasa kepadanya menyemak sesuatu yang betul dari yang salah. Abdullah Hassan juga menegaskan bahawa (2002:84), humor sangat berkesan untuk membina kesan positif dalam kalangan hadirin kerana penceramah yang berjaya menyelitkan humor akan membuatkan mereka berasa selesa, gembira dan tidak terancam. Hasil analisis menunjukkan bahawa pendebat menggunakan humor untuk mempersendakan hujah pihak lawan sekali gus sebagai strategi untuk menjatuhkan pihak lawan. Hal ini dapat diperhatikan dalam contoh di bawah:

Data 12

Cukup mudah hujah mereka, rakyat hari ini beratur, beribu-ribu turun itulah yang dikatakan demokrasi sedangkan demokrasi ini maksudnya lebih besar daripada turun mengundi Tuan Yang Dipertua, perkara inilah yang gagal juga dicerap dengan baik oleh perwakilan Kerajaan Tuan Yang Dipertua. Dan yang ketiganya Tuan Dipertua hari ini, apabila perwakilan kerajaan ooo sebelum itu saya silakan nobita terlebih dahulu.

(D2012, P3: Baris 169-170)

Dalam data 12, pihak pembangkang berhujah tentang sambutan rakyat apabila pilihan raya diadakan dengan mengungkapkan "...rakyat hari ini beratur, beribu-ribu turun itulah yang dikatakan demokrasi..." Dalam konteks ini, pembangkang bertindak bijak dengan menggunakan bahasa yang halus untuk menyindir kelemahan pihak kerajaan dalam memberikan idea dan fakta semasa berhujah melalui ungkapan *...perkara inilah yang gagal juga dicerap dengan baik oleh perwakilan Kerajaan...* Sikap mengambil mudah pihak kerajaan ini disindir oleh pendebat pembangkang dengan menyamakan pihak lawan dengan watak Nobita dalam siri animasi Doremon. Ini diperlihatkan dalam ujaran *...ooo sebelum itu saya silakan nobita terlebih dahulu. (menerima celahan)* ketika menerima celahan daripada pihak lawan. Tindakan memberi gelaran Nobita menimbulkan kelucuan kepada khalayak pihak dan secara tidak langsung menyindir sikap dan kelemahan kerajaan dalam memberikan idea dan fakta yang bernas, relevan dan kritis sesuai dengan karektor nobita yang sentiasa lemah dan perlu bergantung harap pada Doremon. Penggunaan ujaran humor berbaur sindiran ini juga merupakan strategi pembangkang untuk menjatuhkan hujah kerajaan.

Implikasi

Hasil analisis menunjukkan bahawa mahasiswa perlu merancang teknik perundingan yang sesuai semasa berhujah. Hujah tersebut bukan sahaja berdasarkan fakta yang kukuh tetapi mereka juga perlu kritis dan kreatif untuk menundukkan pihak lawan. Ini bermakna pendebat perlu mempunyai kemahiran perundingan, iaitu menggunakan teknik dan strategi komunikasi yang betul. Dalam hubungan ini, pembelajaran abad ke-21 seharusnya dapat merangsang minda mahasiswa untuk berfikir di luar kebiasaan dan mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi supaya dapat bersaing di arena antarabangsa.

Kesimpulan

Keupayaan pendebat menguasai kemahiran berbahasa yang baik dapat membantu menarik minat dan perhatian pendengar. Hujah yang sarat dengan isu dan kupasan fakta yang serius sahaja tanpa diselang seli dengan jenaka akan menyebabkan khalayak pendengar tertekan dan bosan. Kebijaksanaan pendebat memilih dan menggunakan kata dan ungkapan yang pelbagai akan dapat mengurangkan ketegangan kepada khalayak. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penggunaan teknik perundingan dalam perdebatan boleh memberikan impak kepada hujah yang disampaikan oleh pendebat. Setiap teknik perundingan yang digunakan menunjukkan kepelbagaian dari aspek jenis dan fungsinya. Pemilihan teknik perundingan yang sesuai semasa berhujah memperlihatkan kemahiran pendebat untuk mempengaruhi khalayak dan strategi bijak untuk memenangi perdebatan. Kajian tentang kepelbagaian teknik perundingan ini secara tidak langsung dapat memberi bermanfaat kepada mahasiswa untuk menggunakan teknik perundingan yang sesuai semasa berhujah dan berhujah dengan yakin. Penguasaan teknik perundingan ini juga berkait rapat dengan penggunaan gaya bahasa yang beretorik. Hal ini selari dengan pendapat Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2016) yang mengatakan bahawa penguasaan dalam bidang retorik membantu seseorang menghasilkan satu pengucapan lisan dan penulisan yang bertenaga, kreatif dan mempunyai nilai estetika. Justeru, pendidikan retorik perlu diajarkan kepada pelajar untuk meningkatkan keyakinan, pemahaman dan kebolehan individu dalam mana-mana aktiviti pengucapan lisan dan penulisan termasuk dalam bidang perniagaan, politik, pengamal undang-undang dan sebagainya. Selain itu, penguasaan seni retorik dapat dijadikan alat untuk membentuk dan membina karakter bangsa. Kesimpulannya, debat merupakan seni pengucapan awam yang menguji kekuatan emosi dan mental mahasiswa semasa menyampaikan dan mempertahankan hujah dengan pihak lawan. Pihak yang dapat mengemukakan fakta yang tepat dan menggunakan teknik perundingan yang sesuai serta berkeyakinan tinggi selalunya mempunyai peluang yang lebih cerah untuk memenangi perdebatan.

Rujukan

- Alex, Nola Kortner. (1990). *Debate and Communication Skills*. ERIC Digest, <http://www.ericdigests.org/pre-9216/debate.htm>.
- Asmah Haji Omar (2000). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Asmah Haji Omar (2010). *Wacana Temuduga dan Wawancara Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Canale, M. (1983). *From Communicative Competence to Communicative Language Pedagogy*. In Richards, J. C., & Schmidt, R. W. (Eds), *Language and Communication*, 2-27. London: Longman.
- Chien-Hui Yang & Enniati Rusli. (2012). "Using Debate As A Pedagogical Tool In Enhancing Pre Service Teachers Learning And Critical Thinking". *Journal of International Education Research – Second Quarter Volume 8*, <http://journals.cluteonline.com/index.php/JIER/article/view/6833/6908>
- Hall, D. *Debate Inovative Teaching To Enhance Communication Skill*. (2013) <http://ijahsp.nova.edu/articles/Vol9Num3/pdf/Hall.pdf>
- Dori Wuwur Hendrikus. 1991. *Retorika Terampil Berpidato, Berdiskusi, Berargumentasi, Bernegosiasi*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.

- Faizatul Azlinda Ahmad Fuad & Mohd Jamil Yaacob. (2010). *Seni Debat Panduan Komprehensif*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Henry Guntur Tarigan. (1981). *Berbicara sebagai Suatu Keterampilan Berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Jeniri Amir. (2008). Debat Anwar-Shabery: Strategi Retorik dalam Komunikasi Politik. *Seminar Politik Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): Shah Alam.
- Mohd Shukri Mohd Ariff. (2012). Menuntut Perubahan. *Dewan Masyarakat* Jilid 48 Bil.9, September 2010. 8.
- Muhammad Mazlan Abu Bakar & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2016). Retorik Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat Dalam Laporan Media Cetak, *Jurnal Linguistik Persatuan Linguistik Malaysia*. Vol. 20 (1) Jun.2016 (010-025).
- Norida Berhan & Zulkefly Hamid. (2012). Retorik Gaya dalam Membentuk Karakter Bangsa, *Jurnal Linguistik Persatuan Linguistik Malaysia*. Jilid 15, Jun 2012, 1-16
- Pamela Hobbs. 2007. *Lawyers' Use Of Humor As Persuasion*. Dicapai pada 6 Ogos 2014, dari <http://home.earthlink.net/~p37954/sitebuildercontent/sitebuilderfiles/lawyers.pdf>
- Peace, A. Graham (2011), "Using Debate to Teach Information Ethics" *Journal of Information Systems Education*. Dicapai pada 5 Mei 2012 dari <http://euwn.jise.org>.
- Richard D. Rieke, Malcolm O. Sillars & Tarla Rai Peterson. (2013). *Argumentation and Critical Decision Making*. New York: Pearson.
- Saifudin Abdullah (19 June, 2009). Jadikan Pengucapan awam Kokurikulum Utama di IPT. *Utusan Malaysia*.
- Troike. M.S. (1991). *Etnografi Komunikasi Suatu Pengenalan (Terj. Ajid Che Kob)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2002). *Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ziegelmueller, G. & Dause, C. (1975) *Argumentation: Inquiry And Advocacy*. New Jersey Prentice-Hall, Inc.